

# Program Pendidikan PERMATApintar™



## PENGENALAN

Program Pendidikan PERMATApintar™ merupakan program khas yang pertama di Malaysia untuk sekumpulan pelajar yang menunjukkan potensi intelek yang tinggi atau dikategorikan sebagai pelajar pintar cerdas akademik. Universiti Kebangsaan Malaysia telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan program pendidikan ini yang akan bermula pada bulan Januari 2011, denganambilan pertama seramai 200 orang pelajar tingkatan 4 (16 tahun). Pada tahun 2012 sekolah ini dijangka mempunyai pendaftaran penuh seramai 400 orang pelajar yang terdiri daripada 200 orang pelajar tingkatan 4 dan 200 orang pelajar tingkatan 5.

## SEKOLAH PINTAR CERDAS DI LUAR NEGARA

Terdapat beberapa buah institusi pengajian tinggi di luar negara yang telah mempunyai sekolah pintar cerdas tersendiri. Antaranya di National University of Singapore, di Mahidol University, Thailand, dan di Korea Advance Institute of Science and Technology (KAIST). Justeru, Malaysia juga perlu mempunyai sekolah yang sedemikian supaya pelajar pintar cerdas Malaysia dapat belajar di tanah air sendiri. Pada ketika ini, ramai pelajar pintar cerdas Malaysia telah dihantar oleh ibu bapa masing-masing yang berkemampuan untuk belajar di sekolah pintar cerdas di luar negara dan ada diantara mereka yang mendapat tajaan biasiswa dan kewarganegaraan negara berkenaan.

## TUJUAN PENUBUHAN

1. Menyediakan program pendidikan holistik dan suasana pembelajaran kondusif khusus untuk pelajar-pelajar pintar cerdas akademik.
2. Membangun, menyedia, dan melaksanakan kurikulum pembelajaran yang sesuai dengan keperluan pembelajaran pelajar pintar cerdas akademik yang mempunyai potensi intelek yang tinggi.
3. Menyediakan pengalaman awal bagi pelajar pintar cerdas untuk belajar di institusi pengajian tinggi sekaligus mendapat bimbingan mentor dari kalangan ahli akademik.
4. Mengumpulkan pelajar Malaysia yang berpotensi intelek tinggi untuk diberi peluang kepada mereka mendapatkan pengalaman awal dalam projek penyelidikan bagi membangunkan potensi minda kreatif dan berinovasi dalam kalangan pelajar berkenaan.
5. Menjadi model pendidikan pintar cerdas yang melibatkan pengintegrasian kurikulum pendidikan menengah dengan suntikan sukatan pelajaran tahap pengajian tinggi.
6. Mewujudkan satu wadah perkongsian pintar dan usaha sama di antara industri, institusi pengajian tinggi, dan sekolah dalam usaha saling lengkap melengkapi bagi menyediakan suasana pengalaman pembelajaran yang boleh membantu perkembangan holistik pelajar pintar cerdas akademik.

## OBJEKTIF PENDIDIKAN

Program ini dilaksanakan untuk pelajar-pelajar pintar cerdas yang mempunyai tahap potensi dan kemampuan yang tinggi untuk berfikir secara logik, kritis dan kreatif.

Sehubungan itu, objektif pendidikan Program Pendidikan PERMATApintar™ adalah untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

1. Berkemampuan, berkemahiran serta berdaya saing untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
2. Mempunyai daya kreativiti yang tinggi dalam menjana penyelesaian kepada masalah, dan boleh mencetuskan atau mencipta pemikiran-pemikiran baru berhubung ilmu yang dipelajari hasil penelitian yang analitikal dan kritis.
3. Sihat fizikal, sihat minda, berfikiran positif dan mempamerkan kesedaran sendiri yang matang dan bijaksana.
4. Mempunyai daya kepimpinan yang cemerlang dan terpuji, bertanggungjawab dan boleh membuat keputusan yang berkesan dengan mengambil kira prinsip-prinsip nilai baik dan beretika.
5. Menguasai kemahiran bahasa dan komunikasi yang mantap, serta mempunyai sikap yang sesuai untuk terlibat aktif dengan berkesan dalam aktiviti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

## PEMILIHAN PELAJAR

Pelajar-pelajar yang akan mengikuti program ini adalah mereka yang telah menduduki ujian-ujian PERMATApintar™ UKM1 dan UKM2 ketika berusia 15 tahun (tingkatan 3). Mereka yang melepasi tahap-tahap yang ditetapkan bagi pencapaian ujian PERMATApintar™ UKM1 dan UKM2 akan seterusnya dinilai sekali lagi menerusi sesi temubual dan pemerhatian pada Perkhemahan Cuti Sekolah PERMATApintar™. Selain daripada kemampuan kognitif dan kemampuan menyelesaikan masalah, daya kreativiti dan daya saing pelajar juga akan dinilai dalam pemilihan tersebut.

## PROGRAM PENDIDIKAN

Para pelajar di akademi ini akan mengikuti program pendidikan yang menyepadukan pembelajaran akademik, ko-kurikulum, pembinaan sahsiah dan nilai murni melalui pengalaman pembelajaran aktif dan bermakna. Suasana serta persekitaran sekolah turut dibangunkan agar menyumbang kepada perkembangan pelajar yang holistik dan menyeluruh.

Pelajar di sini akan mengikuti kurikulum kebangsaan dan pada waktu yang sama diberi peluang untuk mempelajari mata pelajaran lain yang lebih mencabar. Sehubungan itu, setiap pelajar disediakan perancangan pembelajaran khusus sesuai dengan keperluan pembelajarannya. Mereka juga berpeluang mempelajari mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat universiti sekiranya dinilai berkemampuan mengikuti pembelajaran tersebut. Pendekatan ini membolehkan para pelajar di sini mengikuti pembelajaran yang lebih mencabar, dan boleh melengkapkan pengajiannya dalam jangka masa yang lebih pendek sekiranya dia seterusnya mendaftar sebagai pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia.



Pusat  
PERMATApintar™  
Negara  
Universiti Kebangsaan Malaysia



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Timbalan Pengarah,  
Pusat PERMATApintar™ Negara,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM, Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-8921 7512/ 7515/ 7518  
Fax: 03-8921 7513

Laman Sesawang: [www.permatapintar.edu.my](http://www.permatapintar.edu.my)  
E-mel: [permatapintar@ukm.my](mailto:permatapintar@ukm.my)

